

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

DEFINITIONS

For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

- a) **"BMMB"** means Bank Muamalat Malaysia Berhad (Company No. 196501000376 (6175-W)), an Islamic Banking Institution incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and its registered address at Level 30, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- b) **"Campaign"** means Term Investment Account-i (TIA-i) Campaign where details are set out in the Terms and Conditions.
- c) **"Customer"** means Small Medium Enterprise (SME) customers who are participating in this Campaign.
- d) **"TIA-i"** means the product of Term Investment Account-i offered by BMMB in Term Investment Account-i (TIA-i) Campaign 2026.

DEFINISI

Bagi maksud Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

- a) **"BMMB"** bermakna Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat 196501000376 (6175-W)), Institusi Perbankan Islam yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan alamat berdaftar di Tingkat 30, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
- b) **"Kempen"** bermakna Kempen Akaun Pelaburan Berjangka-i (APB-i) yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
- c) **"Pelanggan"** bermakna pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menyertai Kempen ini.
- d) **"APB-i"** bermaksud produk Akaun Pelaburan Berjangka-i yang ditawarkan oleh BMMB dalam Kempen Akaun Pelaburan Berjangka-i (APB-i) 2026.

1. CAMPAIGN PERIOD

- 1.1 The Campaign period is from **1 September 2026 until 31 December 2026** (both dates inclusive) ("Campaign Period").
- 1.2 BMMB reserves its right to vary or amend the Campaign Period at any time deemed necessary, with 21 calendar days prior notice.

2. ELIGIBILITY & CRITERIA

- 2.1 a) Customers from the following sectors **ELIGIBLE** to participate in the Campaign:

Manufacturing		
Entity	Sales Turnover	Employees
Small	RM300,000 to < RM15 Mil	5 to < 75
Medium	RM15 Mil to ≤ RM50 Mil	75 to ≤ 200

Services and Other Sectors		
Entity	Sales Turnover	Employees
Small	RM300,000 to < RM3 Mil	5 to < 30
Medium	RM3 Mil to ≤ RM20 Mil	30 to ≤ 75

1. TEMPOH KEMPEN

- 1.1 Tempoh Kempen ini bermula dari **1 September 2026 sehingga 31 Disember 2026** (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").
- 1.2 BMMB berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa yang dianggap perlu, dengan notis 21 hari kalendar sebelumnya.

2. KELAYAKAN & KRITERIA

- 2.1 a) Pelanggan-pelanggan daripada sektor berkenaan **LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:

Sektor Perkilangan		
Entiti	Penjualan Tahunan	Jumlah Pekerja
Kecil	RM300,000 to < RM15 Mil	5 to < 75
Sederhana	RM15 million to ≤ RM50 Mil	75 to ≤ 200

Perkhidmatan dan Sektor-sektor Lain		
Entiti	Penjualan Tahunan	Jumlah Pekerja
Kecil	RM300,000 to < RM3 Mil	5 to < 30
Sederhana	RM3 Mil to ≤ RM20 Mil	30 to ≤ 75

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

- b) The Campaign is only applicable to Customers who have an active New IBiz Muamalat or new customers to New IBiz Muamalat.

- b) Kempen ini hanya boleh ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai hubungan perbankan aktif dengan "New IBiz Muamalat" atau pelanggan baharu "New IBiz Muamalat".

- 2.2 The eligible customers are entitled to enjoy the Campaign Expected Profit Rates as below:

Minimum Amount	Tenure	Product	*Campaign Expected Profit Rates (p.a.)
RM 10,000	9 months	TIA-i	3.75%
	12 months	TIA-i	3.70%

**The Campaign Expected Profit Rates may be revised should there be a change in Overnight Policy Rate (OPR) or at BMMB's discretion.*

- 2.3 Investment in TIA-i must be made using **Fresh Funds**.

- 2.4 The following are considered as **Fresh Funds**:

Cash, local cheque and funds from other bank which are newly transferred and credited to BMMB account with no more than seven business days

- 2.5 The following are **not considered** as Fresh Funds:

- a) Maturing FTA-i/TIA-i or premature withdrawal of FTA-i/TIA-i from any existing BMMB accounts; and
- b) Intra-bank transfer of funds (transfer of funds from another BMMB account); and
- c) Inter- and/or intra-branch transfer within BMMB including by third party account transfer (excluding salary, incentives and payment transfers).

- 2.6 TIA-i Investment can be made via **BMMB branch counter** and it's only available during respective branch business days.

- 2.7 The campaign rate offered for the Campaign would require the customer to maintain the deposit investment(s) in TIA-i for the corresponding tenure until maturity from the date of Customer's investment(s).

- 2.8 **Campaign profit payment** will be made upon **maturity**.

- 2.9 Any profits deriving from the investment activities, if any, shall be paid to the Customer up to the expected profit rate or actual profit rate (whichever is lower), as spelled out in the Product Disclosure Sheet (PDS).

- 2.10 Any profits generated in excess of the Expected Profit Rates (EPR) shall be credited to the Bank as a performance fee (if any) with the Customer expressly waiving their rights (tanazul) to any profit above the EPR.

- 2.12 Any loss shall be borne by the Customer provided that such losses are not due to BMMB's misconduct (ta'adi), negligence (taqsir) or breach of specified terms (mukhafalah al-shurut).

- 2.13 If the Customer performs a premature redemption, the Customer may receive a sum of less than the initial investment amount.

- 2.2 Pelanggan yang layak akan menikmati kadar Keuntungan Kempen seperti berikut:

Jumlah Minimum	Tempoh	Produk	*Kadar Keuntungan Jangkaan Kempen (p.a.)
RM 10,000	9 bulan	APB-i	3.75%
	12 bulan	APB-i	3.70%

**Kadar Keuntungan Jangkaan Kempen akan disemak semula, tertakluk kepada perubahan dalam "Overnight Policy Rate (OPR)" atau dari pihak BMMB.*

- 2.3 Pelaburan bagi APB-i harus dibuat menggunakan **Dana Baharu**.

- 2.4 Berikut adalah termasuk sebagai **Dana Baharu**:

Tunai, cek tempatan dan dana daripada bank lain yang baru dipindahkan dan dikreditkan dalam akaun BMMB dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja.

- 2.5 Berikut **tidak termasuk** sebagai Dana Baharu:

- a) ABT-i/APB-i yang matang atau pengeluaran wang separa ABT-i/APB-i BMMB yang sedia ada; dan
- b) Pemindahan dana intra-bank (pemindahan dana dari akaun BMMB yang lain); dan
- c) Pemindahan antara cawangan dan/atau dalam cawangan BMMB termasuk pemindahan akaun oleh pihak ketiga (tidak termasuk pemindahan gaji, insentif dan bayaran).

- 2.6 Pelaburan APB-i boleh dibuat melalui **kaunter cawangan BMMB** dan hanya boleh dilakukan pada hari perniagaan cawangan masing-masing.

- 2.7 Pelanggan perlu mengekalkan pelaburan deposit dalam APB-i untuk tempoh yang sama sehingga matang bagi menikmati kadar khas yang ditawarkan untuk Kempen ini.

- 2.8 **Bayaran keuntungan kadar kempen** akan dibuat setelah **matang**.

- 2.9 Apa-apa keuntungan yang diperolehi dari aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dibayar kepada Pelanggan sehingga kadar keuntungan yang dijangkakan atau kadar keuntungan sebenar (yang mana lebih rendah), seperti yang dinyatakan di dalam PDS

- 2.10 Sebarang keuntungan yang dijana melebihi Kadar Keuntungan Jangkaan (KKJ) akan dikreditkan kepada Bank sebagai yuran prestasi (jika ada) dengan Pelanggan secara nyata menyetepikan hak mereka (tanazul) terhadap sebarang keuntungan melebihi KKJ..

- 2.12 Sebarang kerugian hendaklah ditanggung oleh Pelanggan dengan syarat bahawa kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku (ta'adi), kecuaiian (taqsir) atau pelanggaran syarat-syarat tertentu (mukhafalah al-shurut) BMMB.

- 2.13 Sekiranya Pelanggan melakukan penebusan pramatang, Pelanggan boleh menerima jumlah kurang daripada jumlah pelaburan awal.

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

- | | |
|--|--|
| <p>2.14 Partial redemption of the investment before its maturity is not allowed.</p> <p>2.15 In the event of the Customer making premature withdrawal(s), the Customer will be disqualified from participating in the Campaign.</p> <p>2.16 No profit will be paid for a TIA-i investment tenor of 1 month or less. The customer shall waive their rights (tanazul) to any profit from BMMB.</p> | <p>2.14 Penebusan sebahagian daripada jumlah pelaburan sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan.</p> <p>2.15 Jika Pelanggan membuat pengeluaran pramatang, Pelanggan akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini.</p> <p>2.16 Tiada keuntungan akan dibayar bagi pelaburan APB-i untuk tempoh 1 bulan atau kurang. Pelanggan akan melepaskan hak mereka (tanazul) ke atas sebarang keuntungan daripada pihak BMMB.</p> |
| <p>2.17 During the Campaign enrollment:</p> <p style="margin-left: 20px;">a) Customers may choose to automatically renew their TIA-i placement(s) upon maturity which the rate will be converted to the prevailing indicative rate of TIA-i which can be found on BMMB's website OR</p> <p style="margin-left: 20px;">b) Customers may choose to uplift their TIA-i placement(s) upon the maturity of the Campaign tenure, including the principal and profit.</p> | <p>2.17 Semasa pendaftaran/memasuki Kempen:</p> <p style="margin-left: 20px;">a) Pelanggan boleh memilih untuk memperbaharui peletakan APB-i secara automatik setelah matang dimana kadar peletakan tersebut akan ditukar kepada kadar indikatif semasa APB-i yang boleh didapati di laman sesawang BMMB ATAU</p> <p style="margin-left: 20px;">b) Pelanggan boleh memilih untuk menamatkan/mengeluarkan peletakan APB-i mereka apabila tempoh Kempen telah matang termasuk jumlah prinsipal bersama keuntungan.</p> |

3. GENERAL TERMS

- 3.1 Customers hereby agree and consent to his/her personal data being collected, processed and used by BMMB in accordance with the Personal Data Protection Act, 2010 and BMMB Privacy Notice, which may be viewed on www.muamalat.com.my for the following purposes:
- a) Any matters related to this Campaign; and
- b) Marketing and promotional activities conducted by BMMB (**strictly for this Campaign only**), including without limitation to the use and/ or publication of any details provided in and/ or in connection to the entries, interview material as well as responses and related photographs in any form of advertising or publicity media and materials

Notwithstanding the above, BMMB shall protect the personal data of Customers and the Customers may further agree to co-operate and participate in all reasonable advertising and publicity activities of BMMB in relation to this Campaign without any compensation and/or consideration.

Customers may opt out from the above consent statement by contacting BMMB through the contact number and email address provided in this Terms and Conditions.

- 3.2 To participate in the BMMB's campaigns and / or promotions, Customers must fall within the Eligibility & Criteria of the Campaign.
- 3.3 By participating in the Campaign, the Customer is deemed to have agreed to be bound by the Terms and Conditions stipulated herein. The Customer also agrees and acknowledges that the

3. TERMA-TERMA AM

- 3.1 Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran untuk data peribadi beliau dikumpul, diproses dan digunakan oleh BMMB mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BMMB, yang boleh dilihat di www.muamalat.com.my untuk tujuan-tujuan berikut:

- a) Apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen ini; dan
- b) Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh BMMB (**khusus untuk Kempen ini sahaja**), termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang maklumat yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta maklum balas dan gambar-gambar berkaitan dalam apa jua bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti.

Selain itu, BMMB akan melindungi data peribadi Pelanggan dan Pelanggan seterusnya bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah oleh BMMB berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan dan/atau ganjaran.

Pelanggan boleh memilih untuk menarik diri daripada kenyataan kebenaran di atas dengan menghubungi BMMB melalui nombor telefon dan alamat e-mel yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini.

- 3.2 Pelanggan perlu memenuhi syarat Kelayakan & Kriteria Kempen bagi mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi BMMB.
- 3.3 Dengan menyertai Kempen, Pelanggan dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Pelanggan juga bersetuju dan mengakui bahawa keputusan BMMB

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

- | | |
|--|---|
| <p>BMMB's decisions are final, and no appeal and/or objections will be entertained.</p> | <p>adalah muktamad dan tiada rayuan dan / atau bantahan akan dilayan.</p> |
| <p>3.4 Any fraud and / or abuse relating to the investment(s) in TIA-i shall disqualify the participation of the Customer in the Campaign and the BMMB shall take the necessary action on the participant / Customer's account.</p> | <p>3.4 Mana-mana penipuan dan / atau penyalahgunaan yang berkaitan dengan pelaburan deposit dalam APB-i akan membatalkan penyertaan Pelanggan dalam Kempen dan BMMB akan mengambil tindakan yang perlu pada akaun peserta / Pelanggan.</p> |
| <p>3.5 BMMB shall administer the Campaign with due care and in compliance with all applicable regulatory requirements. Notwithstanding the foregoing, BMMB is not responsible for any delays or failure to perform its obligations due to events beyond its reasonable control, including acts of God, war, riot, strike, lock-out, industrial action, fire, flood, technical or system failures, pandemic, epidemic, act of government of any other similar events.</p> | <p>3.5 BMMB akan menguruskan Kempen ini dengan penuh perhatian dan mematuhi semua keperluan peraturan yang terpakai. Walau bagaimanapun, BMMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan obligasinya akibat daripada peristiwa di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: tindakan Tuhan (acts of God), peperangan, rusuhan, mogok, penguncian (lock-out), tindakan industri, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, pandemik, epidemik, tindakan kerajaan atau peristiwa serupa lain.</p> |
| <p>3.6 BMMB does not warrant that the Campaign shall not be uninterruptible and / or error free. By participating in the Campaign, Customer hereby acknowledges and irrevocably agrees that BMMB shall not in any manner whatsoever be liable for any loss, claim, compensation and damages incurred by Customer arising from the interruption and / or any error during the Campaign period unless such loss, claim, compensation and damages are attributable by the BMMB's gross negligence and willful misconduct.</p> | <p>3.6 BMMB tidak menjamin bahawa Kempen tidak akan tergendala dan /atau bebas kesilapan. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa BMMB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian, tuntutan, pampasan dan kerosakan yang terhasil daripada gangguan dan / atau sebarang kesilapan yang dalam tempoh Kempen kecuali jika kerugian, tuntutan, pampasan dan ganti rugi disebabkan oleh kecuai dan salah laku yang disengajakan BMMB.</p> |
| <p>3.7 BMMB shall not be liable for any default, loss, claim, compensation and damages incurred by the Customer in respect of the Campaign due to any natural disaster, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, storm, technical or system failures and / out event beyond the reasonable control of BMMB.</p> | <p>3.7 BMMB tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kegagalan, kerugian, tuntutan, pampasan dan kemusnahan yang ditanggung Pelanggan berkenaan dengan Kempen disebabkan dari bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat-masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sistem dan / atau peristiwa di luar kawalan munasabah BMMB.</p> |
| <p>3.8 BMMB shall NOT be responsible for and shall NOT be liable for any losses or damages due to the following event (including but not limited):</p> <ul style="list-style-type: none"> a) telephone, electronic, hardware or software program, network, internet, server or computer malfunctions, failures, interruptions, miscommunications or difficulties of any kind, whether human, mechanical or electrical, including without limitation to the incorrect or inaccurate capture of entry information online; b) late, lost, delayed, misdirected, incomplete, illegible or unintelligible e-mails; c) failed, incomplete, lost, garble, jumbled, interrupted, unavailable or delayed computer transmissions; d) any situation resulting from events which are out of BMMB's control which may resulted in the interruption or disruption of the Campaign; e) any injuries, losses or damages of any kind arising in connection with or as a result of participation in the Campaign; f) any printing or typographical errors in any materials associated with the Campaign; and | <p>3.8 BMMB TIDAK akan dipertanggungjawabkan dan TIDAK akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat dari perkara berikut (termasuk tetapi tidak terhad):</p> <ul style="list-style-type: none"> a) telefon, elektronik, program perkakasan atau perisian, rangkaian, internet, pelayan atau kerosakan komputer, kegagalan, gangguan, salah faham atau sebarang kesulitan, sama ada secara kemanusiaan, mekanikal atau elektrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengambilan maklumat kemasukan secara talian yang tidak betul atau tidak tepat; b) e-mel yang lewat, hilang, tertangguh, tersalah arah, tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau difahami; c) kegagalan, tidak lengkap, kehilangan, kekeliruan, campur aduk, gangguan, ketidak tersediaan atau kelewatan transmisi komputer; d) sebarang keadaan yang disebabkan oleh acara-acara di luar kawalan BMMB yang mungkin menyebabkan Kempen tergendala atau rosak; e) sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan dalam sebarang bentuk disebabkan oleh atau bersangkutan dengan penyertaan di dalam Kempen; f) sebarang percetakan atau kesilapan ejaan di dalam sebarang bahan yang berkaitan dengan Kempen; dan |

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

g) any claims by third party for infringement of intellectual property rights;

g) sebarang tuntutan oleh pihak ketiga ke atas pelanggaran hak harta intelek;

unless such losses or damages are attributable by the BMMB's negligence and willful misconduct.

melainkan jika kerugian dan kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian dan salah laku yang disengajakan BMMB.

3.9 BMMB reserves the rights as it deems fit to vary or change any of these Terms and Conditions with adequate notice. The Terms and Conditions may be varied or changed by BMMB by way of posting on the BMMB official website. Customers who had participated in the Campaign are deemed to have accessed the BMMB's website and to have knowledge of and to have agreed to any changes or variations to the Terms and Conditions. Customer(s) agree that their continued participation in the Campaign will constitute their acceptance of the varied or changed Terms and Conditions.

3.9 BMMB berhak untuk mengubah atau menukar sepertimana yang dirasakan sesuai mana-mana bahagian daripada Terma dan Syarat ini dengan notis yang secukupnya. Terma dan Syarat ini mungkin akan ditukar atau diubah oleh BMMB melalui penyiaran di laman sesawang rasmi BMMB. Pelanggan yang telah menyertai Kempen ini dianggap telah melayari laman sesawang rasmi BMMB dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang pertukaran atau perubahan kepada Terma dan Syarat Kempen. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Kempen akan dikira sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat yang diubah atau ditukar.

3.10 BMMB reserves the right to cancel, terminate or suspend this Campaign with prior notice at least 21 calendar days prior to the cancellation / termination or suspension of this Campaign. For avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by BMMB of the Campaign shall not entitle the account holders to any claim or compensation against the BMMB for any and all losses or damages suffered or incurred by the account holders as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension unless such losses or damages are attributable by BMMB's gross negligence, willful misconduct or fraud.

3.10 BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi makluman terlebih dahulu sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum pembatalan / penamatan atau penggantungan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut kecuali kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kelalaian, salah laku atau penipuan BMMB.

3.11 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the TIA-i Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between TIA-i, Terms and Conditions and the Campaign Terms and Conditions, these Terms and Conditions shall prevail with regards to the Campaign.

3.11 Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan Terma dan Syarat APB-i. Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat APB-i, dan Terma dan Syarat Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai berkaitan Kempen ini.

3.12 The Terms and Conditions is also subject to rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM), Shariah Advisory Council of BNM, and of all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA), Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, Anti-Restricted Activity Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA) and Personal Data Protection Act 2010 (PDPA).

3.12 Terma dan Syarat ini tertakluk kepada peraturan serta garis panduan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah, BNM dan semua peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terlarang dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

3.13 All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (MACC) (including any amendment thereof). BMMB reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and to terminate the transaction hereof.

3.13 Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) (termasuk sebarang pindaannya). BMMB berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.

3.14 The Terms and Conditions including the discretion and/or rights and/or power given to any parties under this document shall be subject to Shariah principles.

3.14 Terma dan Syarat adalah termasuk budi bicara dan/atau hak dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

TERMS AND CONDITIONS FOR TIA-i SME CAMPAIGN 2026
TERMA DAN SYARAT UNTUK KEMPEN TIA-i SME 2026

Effective 1 July 2026 to 31 December 2026 / Berkuatkuasa 1 Julai 2026 sehingga 31 Disember 2026

3.15 In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version and the Malay version of the Terms and Conditions, the English version shall prevail. In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions at any brochures, marketing and promotional materials relating to the Campaign or its promotion, the Terms and Conditions shall prevail.

For more information, please visit the nearest branch or call BMMB Customer Care Line at 03-26005500 or visit BMMB website at <https://www.muamalat.com.my>.

3.15 Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat di mana-mana risalah, bahan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan terdekat atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan BMMB di 03-26005500 atau layari laman sesawang BMMB di <https://www.muamalat.com.my>.

WARNING:

THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND INVESTMENT ACCOUNT HOLDER (IAH) RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, IAH MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM

AMARAN:

PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN (PAP) BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PAP MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.